

## KPDNHEP rampas barangan palsu bernilai RM133,280

20 September 2019 5:45 PM



Azeem Nazuri (dua, kiri) menunjukkan barangan yang dirampas pada sidang media di Stor Simpanan KPDNHEP WPKL di Jalan Segambut hari ini. KPDNHEP merampas 6,964 unit barangan palsu bernilai RM133,280 dalam serbuan di dua premis di Jalan Kenanga dan Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur pada 10 September lepas. –BERNAMA

**KUALA LUMPUR 20 Sept.** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 6,964 unit barangan palsu bernilai RM133,280 dalam serbuan di dua premis di Jalan Kenanga dan Lorong Haji Taib pada 10 Sept lepas.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Azeem Nazuri berkata, operasi yang dilakukan kira-kira 1.00 tengah hari itu melibatkan lapan pegawai KPDNHEP dan beberapa wakil pemilik cap dagang berdaftar.

"Hasil pemeriksaan ke atas dua premis itu mendapati terdapat barang disyaki tiruan iaitu pakaian dan jam tangan menggunakan perihal dagangan palsu berjenama Batman, Tom and Jerry, Gucci, Burberry, Converse, G-Shock dan sebagainya," kata beliau pada sidang media di Stor Simpanan KPDNHEP WPKL di Jalan Segambut di sini, hari ini.

Azeem berkata tujuh individu membabitkan tiga warga Bangladesh dan empat rakyat Malaysia berusia 20 hingga 40 tahun ditahan dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 8 (2) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dikenakan tindakan denda dan penjara.

“Bagi tindakan kes di Lorong Haji Taib, orang kena tuduh (OKT) telah dituduh di mahkamah manakala OKT bagi kes di Jalan Kenanga ditangkap dan dilepaskan dengan jaminan polis dan syarikat akan didakwa di mahkamah dalam masa terdekat,” katanya.

Mengikut statistik 2019 sehingga kini, KPDNHEP WPKL mencatat 96 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dengan nilai sitaan berjumlah RM2.4 juta.

Dalam perkembangan lain, Azeem berkata, bermula 12 Sept lepas, KPDNHEP WPKL giat membuat pemeriksaan harga topeng muka berikutan isu jerebu yang melanda negara.

“Sehingga kini, 97 premis sekitar Kuala Lumpur diperiksa dan peniaga diingatkan tidak menjualnya yang juga barangan harga terkawal melebihi harga ditetapkan,” katanya.

Menurut satu hantaran dalam laman Facebook rasmi KPDNHEP, harga topeng muka pembedahan dengan satu lapisan (gelung telinga) ialah RM5 sekotak (harga borong) dan RM7 sekotak (harga runcit).

Bagi topeng muka N95, harga borong ialah RM100 sekotak dan RM6 seunit, manakala topeng muka dengan tiga lapisan (gelung telinga/kepala) dijual pada harga borong RM25 sekotak dan RM0.80 seunit.

Kata Azeem, pengguna boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan kepenggunaan menerusi e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, talian WhatsApp 019-2794317, aplikasi telefon pintar Ez ADU dan hubungi 1 800 886 800.- BERNAMA

